

08 AUG 2003

Mahathir-Pilihan Raya

PAK LAH AKAN PUTUSKAN TARIKH P/RAYA SABAH, KATA DR M

KOTA KINABALU, 8 Ogos (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata bakal penggantinya Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi akan memutuskan tarikh yang sesuai untuk mengadakan pilihan raya negeri di Sabah.

Ditanya sama ada pilihan raya negeri akan diadakan pada bila-bila masa sekarang, Dr Mahathir berkata: "Ya, saya berpendapat demikian tetapi saya tidak tahu berapa cepat... Saya rasa akan biarkannya kepada bakal pengganti saya (untuk membuat keputusan)."

Semasa persidangan berita di akhir lawatan sehari Perdana Menteri ke Sabah, wakil media juga bertanya kepada beliau sama ada Sabah harus mengadakan pilihan raya negeri lebih awal daripada pilihan raya umum dan apa pula pilihannya.

Kepada soalan ini, katanya perkara itu juga terpulang kepada Timbalannya itu untuk memutuskan.

"Ia bukan soal yang mana saya suka. Apa yang menjadi pilihan saya tidak menjadi hal," kata Dr Mahathir yang akan bersara pada hujung Oktober ini.

Tempoh penggal Dewan Undangan Negeri Sabah akan tamat pada 12 April tahun depan sementara tempoh penggal Parlimen akan berakhir pada 20 Dis, 2004.

Ditanya mengenai cadangan Barisan Nasional (BN) negeri yang mahu menjadikan kejayaannya dalam pilihan raya negeri sebagai hadiah bagi Dr Mahathir, Perdana Menteri berkata: "Alhamdulillah...kalau dia bagi present (hadiah) semacam tu. Kalau (ia diberikan) lepas saya bersara pun saya bersyukur."

-- BERNAMA

JS PR